

CNS2167

R GR 18-02 00228 RH420

AAB

Mahathir - Penswastaan (Ulangan membetulkan waktu utk embargo)
(EMBARGO: Untuk siaran selepas 10 malam ini)

I

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta kakitangan awam yang bekerja di jabatan, yang tidak diswastakan supaya tidak kecewa dengan kenaikan gaji yang besar dan ganjaran lain yang diterima oleh mereka yang bekerja di jabatan-jabatan yang telah diswastakan.

Perdana Menteri memberi jaminan kepada kakitangan awam bahawa mereka boleh mendapat gaji yang lebih baik apabila kerajaan mendapat lebih banyak wang berikutan peningkatan produktivi dan persaingan industri-industri negara.

Ketika bercakap dalam rancangan +Wawancara Khas dengan Perdana Menteri+ melalui Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) malam ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, dalam kes tertentu, kakitangan agensi kerajaan yang diswastakan dibayar gaji dua kali ganda daripada sebelum diswastakan manakala ketua-ketua eksekutif mereka mendapat gaji yang lebih lumayan daripada beliau sendiri.

Bagaimanapun, katanya, perkara yang sama sudah tentu tidak dapat diberikan kepada mereka yang kekal dalam perkhidmatan kerajaan, dan menambah kata jika +kita menerima hakikat bahawa kehidupan tidak akan sama bagi semua orang, kita tidak akan begitu kecewa+.

Dalam rancangan itu, Perdana Menteri menjawab soalan daripada tiga orang anggota panel berhubung ekonomi Malaysia, peranan kerajaan dan pilihan berat yang terpaksa dibuatnya dalam menghadapi suasana ekonomi dunia sekarang yang semakin teruk berikutan perang Teluk. -- Lagi

♥18/02/15-12MST

CNS2106

R GB 18-02 00192 BA949

Aab

Mahathir - Penswastaan 2 Kuala Lumpur (Embargo)

Anggota-anggota panel ialah Ketua Pengarah Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISTS) Dr Noordin Sopiee, Ketua Eksekutif Bank Buruh Tan Sri Ramon Navaratnam dan Pengarah eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) Datuk Dr Kamal Salih.

Perdana Menteri berkata dalam keadaan yang paling adil apabila semua orang mendapat bahagian yang sama rata seperti dalam ideologi komunis, orang yang paling cekap pun akan menjadi tidak cekap kerana tidak adanya cabaran.

+Apa yang boleh kita lakukan ialah meningkatkan mereka yang kurang bernasib baik supaya mereka dapat bahagian yang lebih adil dalam ekonomi. Bagaimanapun, kita tidak memberi jaminan bahawa orang teratas akan mendapat seperti dalam agensi kerajaan yang diswastakan, dengan memperolehi sehingga \$25,000 iaitu lebih tinggi daripada gaji saya dan Ketua Setiausaha Negara, tetapi kita terpaksa menerimanya,+ tambah beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan akan terus mempertingkatkan program penswastaannya kerana pengalaman daripada beberapa agensi yang diswastakan menunjukkan birokrat yang sama menjadi lebih cekap bekerja di bawah penswastaan.

Contohnya ialah Telekom yang telah membuat lebih banyak wang selepas diswastakan berbanding ketika ia sebuah jabatan kerajaan. -- Lagi.

♥18/02/14-17MST

CNS2112

R GB 18-02 00196 BA951

Aab

Mahathir - Penswastaan 3 Kuala Lumpur (Embargo)

+Sebagai contoh, Jabatan Telekom mungkin tidak terfikir untuk membuka Kedai Telekom dan menggalakkan penggunaan telefon. Tetapi apabila sudah berada dalam sektor swasta kakitangan awam yang sama itu juga mula berfikir bahawa untuk memenuhi kehadirannya, untuk mendapatkan lebih banyak wang, dan untuk mendapat bonus dan bayaran yang lebih, dia mesti giat berusaha untuk memajukan syarikat itu,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, bukanlah menjadi urusan kerajaan untuk memasuki bidang perniagaan, dan menambah kata bahawa +apabila kita memasuki bidang perniagaan, kita (kerajaan) tidak dapat mengusahakannya dengan baik dan berkesan.+

Beliau berkata, kerajaan sedang mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan kemahiran dan sikap kakitangan kerajaan dengan idea dan cadangan baru.

Pada masa lepas, kakitangan awam diberi kebebasan untuk melaksanakan projek tetapi kini mereka mempunyai carta aliran kerja bagi membolehkan kerajaan mengetahui dengan tepat bila sesuatu projek itu diberikan kepada jabatan tertentu, yang dilaksanakan serupa seperti juruterbang memandu kapal terbang.

Perdana Menteri berkata, adalah silap bagi kakitangan awam untuk berfikir bahawa tidak ada untungnya bagi mereka bekerja rapat dengan sektor swasta seperti yang disarankan di bawah konsep Persyarikatan Malaysia. --
Lagi.

♥18/02/14-26MST

CNS2200

R GR 18-02 00347 BH424

aab

Mahathir - Pensiwaan 4 Kuala Lumpur (Embargo)

Katanya walaupun konsep itu telah diterima dengan lebih baik oleh kalangan kakitangan awam sejak ia dimulakan, terdapat mereka yang merasakan jika mereka meluluskan satu skim yang membolehkan seorang usahawan untung berjuta-juta Ringgit selepas menandatangani kontrak, mereka (kakitangan awam) tidak akan dapat apa-apa.

+Walaupun, dia tidak mendapat apa-apa secara langsung, ekonomi berkembang, cukai dibayar, kerajaan memperolehi pendapatan lebih banyak dan kita boleh membayar mereka gaji yang lebih tinggi,+ kata beliau.

Perdana Menteri berkata saiz perkhidmatan awam perlu dikesilkan memandangkan tekanan kepada belanjawan kerajaan berikutan kenaikan kos perbelanjaan sosial kerana pertumbuhan ekonomi dan penduduk.

Katanya dengan bilangan kakitangan yang lebih kecil tanpa pengurangan pendapatan, kerajaan boleh mengagih daripada segi membayar lebih serta membelanjakan lebih banyak untuk infrastruktur dan keperluan sosial lain.

Strategi kerajaan ialah mengurangkan saiznya tetapi meningkatkan pendapatan dengan mengawal ekonomi dengan cekap selain menggalakkan pelaburan.

Ditanya sama ada kenaikan gaji kakitangan awam akan membawa kenaikan gaji yang boleh menimbulkan masalah dalam jangka panjang dan menyebabkan inflasi, Perdana Menteri berkata: +Gaji yang meningkat sendiri bukan satu masalah. Tetapi masalahnya ialah kenaikan gaji tanpa produktiviti yang lebih tinggi.+ -- Lagi

Mahathir - Pensiwaan 5 Kuala Lumpur (Embargo)

Mengenai keraguan orang ramai terhadap pensiwaan jabatan kerajaan seperti Telekom dan Keretapi Tanah Melayu ke arah menjadi monopoli, Datuk Seri Dr Mahathir berkata walaupun badan-badan itu telah diswastakan, mereka masih tertakluk kepada peraturan kerajaan dan +sedikit+ campur tangan kerajaan.

Contohnya, jika tol jalan dinaikkan, kerajaan terpaksa campur tangan bagi melindungi kepentingan umum.

+Kita sebuah kerajaan yang demokratik. Jika tidak melindungi kepentingan orang ramai, kita tidak akan dipilih lagi. Jadi ini sentiasa dalam pemikiran kita.+

Perdana Menteri berkata walaupun badan-badan itu adalah monopoli bebas, mereka tidak bebas sepenuhnya untuk berbuat apa yang mereka suka.

+Sebaliknya lain, monopoli kerajaan juga boleh menjadi tidak baik dan tidak bertimbang rasa. Sama ada ianya sektor swasta atau awam, ia tidak berbeza. Yang membezakannya ialah sikap ke arah pengurusan dan sikap orang ramai secara keseluruhannya,+ kata beliau. -- Bernama

♥18/02/15-39MST